

Peniaga bimbang gerai diroboh



BH 15/11/06

Pemilik gerai menjual ikan, makanan dan minuman di sepanjang Sungai Duyong tidak dimaklumkan mengenai projek menaik taraf tali air

Oleh Mohamad Yatim Latip

MELAKA: Beberapa pemilik gerai menjual ikan termasuk gerai makanan dan minuman yang beroperasi di sepanjang Sungai Duyong di Jalan Pantai Nekmat, Padang Temu dekat sini, dilanda kebimbangan sejak kerja-kerja membersihkan kawasan terbabit bagi projek menaik taraf Sungai Duyong Fasa 1, bermula baru-baru ini.

Ini berikutan, peniaga terbabit mendakwa mereka tidak diberitahu mengenai tarikh sebenar kawasan itu hendak dibersihkan serta tarikh gerai mereka akan dirobohkan oleh kontraktor yang dilantik Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Peniaga turut mendakwa, tindakan itu boleh menjejaskan perniagaan mereka termasuk nasib kira-kira 70 nelayan yang berpangkalan di jeti Sungai Duyong.

Mereka juga kecewa selepas JPS menegaskan bahawa jabatan terbabit tidak akan membayar sebarang pampasan atau sugu hati sebaik tindakan merobohkan gerai serta jeti nelayan dilaksanakan kelak.

Mereka juga mendakwa, tidak dimaklumkan berhubung lokasi sementara yang disediakan untuk mereka selepas projek menaik taraf itu dijangka siap tahun depan.

Penjual ikan, Sharom Abdul Ghafar, 28, mendakwa, pihak terbabit langsung tidak memaklumkan kepada semua peniaga dan nelayan di situ bilakah kerja-kerja membersihkan kawasan itu dimulakan.

Beliau berkata, dia dan peniaga lain termasuk nelayan terkejut apabila mendapati sebuah jengkaut berada di kawasan berkenaan bagi memulakan kerja-kerja menolak tanah berhampiran tebing sungai itu baru-baru ini.

Katanya, JPS sepatutnya memaklumkan kepada mereka mengenai tarikh kontraktor berkenaan akan memulakan kerja supaya mereka dapat memindahkan pelbagai barang di sekitar gerai

“Kami kini dalam keadaan bercelaru dan tidak tahu apa yang akan berlaku dalam masa terdekat ini kerana kami tidak menerima apa-apa surat daripada pihak terbabit yang hendak membersihkan kawasan serta merobohkan gerai kami di sini”

Sharom Abdul Ghafar
Penjual ikan

masing-masing.

“Kami tahu yang kami berniaga di tanah rizab kerajaan dan sadar akan risiko sekiranya kerajaan mahu membangunkan kawasan ini, tetapi sekurangnya berilah kami peluang untuk mendapat sedikit sugu hati bila gerai kami dirobohkan dan juga beritahu kami bila ia hendak dirobohkan,” katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Sharom mendakwa, semua peniaga di situ mempunyai lesen perniagaan yang sah dan turut membayar wang ‘tol’ ke atas tanah yang diduduki sejak berniaga di situ.

Beliau berkata, sekiranya gerai mereka dirobohkan maka mata pencarian mereka akan terjejas teruk berikutan tidak tahu di mana hendak berniaga kerana di situ sajalah tempat mereka mencari makan sejak dulu lagi disebabkan semua peniaga adalah anak jati kampung berkenaan.

Sementara itu, Sharom berkata, dia bersama beberapa peniaga lain pernah menghadiri mesyuarat yang diadakan di

Pejabat Daerah Melaka Tengah kira-kira dua bulan lalu bertujuan membincangkan masalah berkenaan, tetapi dalam mesyuarat itu mereka dimaklumkan tiada sugu hati akan diberi kepada peniaga.

“Kenyataan itu benar-benar mengecewakan saya dan peniaga lain seolah-olah kami ini ibarat ‘sampah’ sedangkan pendedar asing yang ditahan pun diberi tempat perlindungan, selain makan dan minum.

“Bayangkan selepas saya membelanjakan sejumlah kira-kira RM10,000 bagi membaiki dan memperbaharui gerai ikan saya ini, tiba-tiba saja ia akan dirobohkan tanpa mendapat satu sen pun wang sugu hati,” katanya.

Tinjauan *Sentral* di lokasi berkenaan mendapati, JPS sudah menaikkan papan tanda bagi melaksanakan projek menaik taraf Sungai Duyong Fasa 1 di kawasan itu dan tercatat tarikh tapak berkenaan dimiliki pada 18 Oktober 2006 dan dijangka siap pada 17 April 2007.



JELAS: Papan tanda projek menaik taraf Sungai Duyong Fasa 1 didirikan berhampiran jalan masuk ke kawasan berkenaan.



TUNGGU MASA: Gerai ikan milik Sharom didakwa bakal dirobohkan bagi memberi laluan projek menaik taraf Sungai Duyong Fasa 1.